

28 JUN 1999

Mohale-Malaysia

HUBUNGAN ISTIMEWA MALAYSIA DAN AFRIKA SELATAN BERTERUSAN

Oleh: Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Hubungan istimewa Afrika Selatan dengan Malaysia akan berterusan walaupun kepimpinan negara itu bertukar, kata Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan ke Malaysia yang akan menamatkan tempoh perkhidmatan, Maite Emily Mohale.

Beliau berkata presiden baru Thabo Mbeki, yang mengambil alih daripada Nelson Mandela iaitu presiden pertama Afrika Selatan dari kaum kulit hitam, menegaskan bahawa beliau mengutamakan kesinambungan.

"Mandela dan Mbeki ialah dari Kongres Kebangsaan Afrika (ANC). Tidak ada dasar Mandela atau dasar Mbeki tetapi yang ada ialah dasar ANC," kata Mohale dalam wawancara di sini hari ini. Beliau akan menamatkan tempoh perkhidmatan esok.

Semasa berkhidmat selama empat tahun sebagai duta di sini, beliau juga ditauliahkan ke Filipina dan Brunei.

Beliau mengaku bahawa hubungan istimewa antara kedua-dua negara ialah disebabkan hubungan rapat antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Mandela serta yakin bahawa hubungan itu akan bertambah kukuh di bawah kepimpinan Mbeki.

Hubungan rapat itu terserlah apabila Dr Mahathir ialah antara pemimpin asing yang pertama melawat Mandela selepas beliau dibebaskan daripada penjara pada 1990, selepas 27 tahun merengkok dalam penjara kerana mengepalai perjuangan menentang dasar apartheid di negara itu.

Beliau berkata Mbeki melawat Malaysia semasa Sukan Komanwel di sini tahun lepas atas sifatnya sebagai timbalan presiden ketika itu. Beliau beberapa kali telah menemui Dr Mahathir dan mengesahkan kesinambungan hubungan istimewa antara kedua-dua negara dan pemimpin.

Mohale berkata hubungan akrab antara Malaysia dan Afrika Selatan terbukti melalui kekerapan lawatan dua hala oleh Mandela dan Dr Mahathir serta menteri kanan masing-masing.

Beliau berkata hubungan antara kedua-dua negara berada pada tahap paling akrab semasa tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan yang pertama ke Malaysia selepas berakhirnya apartheid.

"Hubungan kedua-dua negara boleh diimbas kembali sejak zaman Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan pemimpin ANC seperti Chief Albert Luthuli dan Oliver Tambo. Jadi, saya datang ke sini untuk menjain hubungan secara formal dan buan memulihkannya," kata ibu kepada empat orang anak itu.

Hubungan rapat antara kedua-dua negara telah membuka peluang-peluang perniagaan dan Malaysia kini menjadi pelabur asing secara langsung yang ketiga terbesar di Afrika Selatan selepas Amerika Syarikat dan Britain dengan pelaburan berjumlah RM4.5 bilion.

Mohale berkata perdagangan antara kedua-dua negara mencapai RM2 bilion dengan menguntungkan Malaysia dan negara itu sedang mencari jalan untuk merapatkan jurang itu.

Katanya, ahli perniagaan Afrika Selatan diminta meninjau peluang-peluang di sini sambil berkata untuk tujuan itu, Afrika Selatan telah melantik pegawai konsol di Pulau Pinang dan Sarawak.

Untuk meningkatkan kerjasama perniagaan, Forum Perniagaan Malaysia-Afrika Selatan yang pertama diadakan di Sun City semasa lawatan Dr Mahathir ke negara itu pada 1995 sementara forum yang kedua diadakan di sini apabila Mandela melawat negara ini dua tahun kemudian.

Mohale berkata kegawatan ekonomi yang melanda rantau itu sedikit-seanyak mengurangkan pelaburan Malaysia tetapi syarikat gergasi

seperti Petronas, Telekom Malaysia dan Country Heights terus bertapak di negara itu.

Petronas selesai melaksanakan pemilikan keseluruhan ekuiti dalam Engen Ltd of South Africa bagi AS\$890 tahun lalu, Country Heights membangunkan kawasan peranginan Pecanwood, dekat Johannesburg sementara ahli perniagaan Malaysia Datuk Samsudin Abu Hassan ialah antara pelabur individu yang terbesar di sana.

Mohale berkata satu daripada bidang yang Afrika Selatan meminta kepakaran Malaysia ialah program penswastaan dan mempelawa syarikat-syarikat di sini menyertai sektor seperti perhutanan, tenaga dan pengangkutan.

"Afrika Selatan mencatatkan kadar pertumbuhan dua peratus pada tempoh empat bulan tahun ini. Ini sesuatu yang tidak pernah didamkan setahun lalu," kata beliau.

Dalam pada itu, kejayaan Malaysia meninggikan taraf hidup golongan Bumiputera di bawah Dasar Ekonomi baru (DEB) telah membuka mata kerajaan Afrika Selatan.

"Program penswastaan Malaysia telah membawa keluar golongan yang tidak beraa dalam arus utama ekonomi. Kami merancang program yang serupa seperti ASN (Amanah Saham Nasional) untuk masyarakat kulit hitam dan ia akan dilancarkan tidak lama lagi," kata beliau.

Beliau berkata jika dahulu, hubungan tertumpu kepada perniagaan tetapi sekarang ia akan tertumpu kepada bidang seperti pendidikan, sains dan teknologi, budaya serta pertukaran kepakaran dalam sukan.

Pada masa ini, pelajar dari Afrika Selatan menuntut di Universiti Telekom dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

"Kita boleh membantu antara satu sama lain. Apa yang Afrika Selatan ada, Malaysia tidak ada dan sebaliknya. Kami lebih maju dalam teknologi dan kami juga boleh memindahkan teknologi dalam bidang ini," kata beliau.

Mohale berkata satu lagi bidang ialah berpotensi bagi memperkukuhkan hubungan ialah budaya dan pelancongan sambil berkata Penerbangan Malaysia (M-A-S) mengadakan penerbangan empat kali seminggu ke Johannesburg dan Cape Town dan kekerapan penerbangan ini boleh ditambah.

"Buat masa ini, rakyat Malaysia melancong ke destinasi yang hanya diliputi oleh M-A-S tetapi kami sedang mencari tempat baru. Pelancong dari Afrika Selatan tertarik dengan keindahan Langkawi, Melaka, Pulau Pinang dan Gua Mulu di Sarawak," kata beliau.

Mohale berkata dalam bidang sukan pula, Afrika Selatan yang mempunyai pemain bertaraf dunia dalam ragi dan kriket bersedia membantu Malaysia dan pada masa yang sama meminta bantuan Malaysia untuk memajukan sukan badminton dan hoki di negara itu.

Mengenai perkhidmatannya di sini, Mohale berkata beliau sedih untuk meninggalkan negara ini dan tidak akan melupakan pengalaman indah berada di negara ini.

"Saya dan anak saya benar-benar akan terasa kehilangan rakyat negara ini yang peramah dan juga keenakan makanan dan kepelbagaian budaya. Kami pasti tidak dapat merasai kelazatan masakan Melayu, rendang, nasi goreng, nasi goreng Cina, ikan kukuh dan masakan India," kata beliau.

Mohale, yang telah melawat ke semua negeri di Malaysia kecuali Perlis berkata beliau kesal kerana tidak kesampaian melawat Gua Mulu di Sarawak dan berharap untuk datang lagi ke negara ini bagi memenuhi hajatnya itu.

Mengenai tugas barunya, Mohale berkata beliau kemungkinan berkhidmat di sebuah lagi negara Asia. Beliau ialah seorang daripada 20 ketua misi Afrika Selatan yang terdiri daripada wanita.

Semasa berkhidmat di sini, Mohale berkata semua agensi kerajaan telah memberi kerjasama penuh kepada beliau dan ini memudahkan tugasnya.

"Saya bernasib baik...Saya datang ke negara ini kena pada masanya dan

ini tidak akan dilupakan buat selama-lamanya. Saya menaruh harapan untuk menerima layanan yang serupa apabila berkhidmat di tempat lain," katanya.

-- BERNAMA

AR FAZ